

'Arahan' bercuti mungkin selamatkan

BH 25 MAY 2000

Oleh Ebi Azly Abdullah

"TAK ada pendingin udara ke'?", tanya seorang wartawan Channel News Asia yang tidak tahan dengan keadaan panas di Kementerian Pengangkutan semalam, ketika menunggu bermulanya sidang akhbar oleh Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Hakikatnya, suasana di kementerian itu memang panas tetapi bukan kerana alat penghawa dingin tidak berfungsi. atau kerana jumlah wartawan dan penyokong Ling yang 'membanjiri' pejabatnya sejak awal pagi lagi.

Sebaliknya suasana hangat itu timbul daripada ketidakentuan berhubung kedudukan sebenar Presiden MCA itu, yang sebelum-

(ANALISIS)

nya memberi jaminan akan membuat keputusan muktamadnya hari ini, selepas menemui Perdana Menteri.

Selepas membuat kejutan pada Isnin lalu dengan pengumuman untuk bersara, Dr Ling nampaknya kurang pasti dengan keputusan itu selepas dihujani permintaan dari pelbagai pihak, termasuk pemimpin MCA sendiri, untuk menarik balik keputusannya itu.

Lewat petang kelmarin, beliau akhirnya meminta semua pihak menunggu hasil pertemuannya

dengan Perdana Menteri, yang bertujuan menandakan penyerahan surat peletakan jawatannya itu.

Akhimya, sidang akhbar mingguan Dr Ling di Kementerian Pengangkutan menjadi tumpuan utama. Setiap Rabu, wartawan yang membuat liputan isu pengangkutan akan berkumpul di pejabat itu tetapi kali ini, jelas wujud kelainan. Wisma Perdana 'diserbu' wartawan tempatan dan antarabangsa, sejak awal pagi lagi.

Dr Ling yang selalunya berkata, 'saya tidak ada apa-apa daripada Kabinet untuk anda' pada hampir setiap sidang akhbar *post-cab*, kali ini mengumumkan se-

suatu yang berharga. Beliau menanggukkan persaraannya dengan bercuti dua minggu sebelum membuat keputusan muktamad. Tetapi persoalannya ialah, adakah beliau benar-benar mahu berhenti daripada Kabinet?

Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting yang disifatkan sebagai 'orang paling hampir' dengan Dr Ling, memberi gambaran optimistik. "Masih ada harapan... kita tunggu saja," katanya selepas sidang akhbar berkenaan.

Beliau sudah tentunya tahu isi hati Presiden MCA itu, kerana dinamakan antara beberapa 'orang dalam' yang dimaklum-

maruah Presiden MCA

kan mengenai keputusan bersara itu, seminggu sebelum pengumuman dibuat.

Tetapi seorang lagi Naib Presiden, Datuk Dr Fong Chan Onn, tidak begitu yakin. "Beliau (Dr Ling) masih mahu berhenti... tetapi kita masih tetap mencuba (untuk mengubah pendiriannya)," tegas beliau.

Ramai yang berpendapat, kesanggupan Dr Ling untuk menimbang semula persaraan itu membayangkan kemungkinan beliau menarik balik keputusannya 'demi perpaduan parti' dan 'kepentingan kaum Cina'.

Dengan 'arahan' untuk bercuti itu datang dari Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad sendiri, ia mungkin langkah menyelamatkan maruah Presiden MCA itu jika beliau berjaya mencapai sasaran utamanya - tambahan kerusi Kabinet untuk parti itu.

"Jika Dr Ling tidak jadi letak jawatan, MCA mungkin mendapat habuan dalam rombakan Kabinet akan datang," kata seorang pegawai parti.

Malah, Dr Ling sendiri mengakui bahawa ada perbincangan 'mengenai isu semasa' dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir semalam, dan ia membuka ruang untuk spekulasi.

Iamungkin menyentuh kedudukan pengganti Dr Ling dalam

Kabinet, dengan calon utama MCA, Datuk Dr Chan Kong Choy sudah menolak sebarang pelawaan untuk menggantikan beliau.

Walaupun enggan mendedahkan isu yang dibincangkan, Presiden MCA itu memaklumkan dengan jelas kepada wartawan yang hadir, bahawa 'buat masa ini, keputusan bersara masih kekal'.

Tetapi adakah pendirian itu kekal, selepas Dr Ling bercuti dua minggu? Jika begitu, selamat bercuti diucapkan kepada Presiden MCA itu, dan apa yang jelas, walau dimana jua beliau berada, ia bukan cuti yang mudah dilupakan.